

Sokongan ibu, amanat arwah bapa beri pendorong kejayaan

Aida wanita pertama Pegawai Memerintah kapal Maritim

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
pengarang@utusan.com.my

■ KUANTAN 15 FEB.

KETIKA dihampiri pihak media yang mahu bertanyakan berhubung kejayaan dilantik Pegawai Memerintah kapal wanita pertama negara, Leftenan Maritim Aida Arzahari, 35, mahunya kelihatan agak terkejut.

Namun, apabila ditanya, anak sulung daripada tiga beradik itu yang menyertai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) pada 2012 tidak dapat menahan sebak kerana katanya, kejayaannya mendapat sokongan kuat ibunya, Hamidah Zaini, 57.

"Selain doa serta sokongan kuat ibu, saya berpegang kepada amanat arwah ayah, Arzabari Sudin yang mahu saya menjaga keluarga dan menjadi yang terbaik antara terbaik.

"Saya berterima kasih kepada



AIDA ARZAHARI (gambar) menerima wafikah pelantikan menjadi wanita pertama sebagai Pegawai Memerintah kapal dalam Perbarisan Hari Utang Tahun Maritim Malaysia Ke-13 dan Perbarisan Tamat Latihan Leftenan Muda dan Bintara Muda di Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS), Kuantan, Pahang, semalam.

ibu serta lima Pegawai Memerintah kapal yang banyak memberi tunjuk ajar dan semangat sewaktu saya bertugas di bawah mereka," katanya.

Surat pelantikannya disampaikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shaidan Kassim pada Majlis Sambutan Utang Tahun Maritim Malaysia Ke-13 di

Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS) di sini hari ini.

Yang hadir sama, Ketua Pengarah Maritim Malaysia, Datuk Seri Zulkifli Abu Bakar.

Aida berkata, dia dilantik ke jawatan itu berkuat kuasa 12 Februari lalu dan bertugas di KM Nyulau berpangkalan di Lumut, Perak.

"Pencapaian saya ini untuk memberikan inspirasi kepada wanita yang memasuki Maritim Malaysia walaupun agensi ini didominasi lelaki, wanita turut memiliki peluang berjaya," katanya.

Sementara itu, Hamidah yang terharu berkata, dia memang mahu anaknya itu memasuki Maritim Malaysia bagi mengikut jejak langkah arwah suaminya yang sebelum ini berkhidmat bersama Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

"Dia (Aida) anak sulung dan penyambung legasi arwah ayahnya. Saya tidak sangka dia berjaya sehingga melakar sejarah negara, itu buat saya bangga dan cukup terharu," katanya.



SHAHIDAN KASSIM (dengah) bersama pelak dalam Perbarisan Hari Utang Tahun Maritim Malaysia Ke-13 dan Perbarisan Tamat Latihan Leftenan Muda dan Bintara Muda di Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS), Kuantan, Pahang, semalam. - UTUSAN/MOHAD ZARIF IRAN